

PENGUASAAN BAHASA MELAYU OLEH PELAJAR MELAYU DALAM ARUS GLOBALISASI

Nor Hashimah Jalaluddin et al.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti prestasi anak-anak Melayu dalam subjek bahasa Melayu pada peringkat UPSR dan PMR. Kajian telah dilakukan ke atas empat buah sekolah. Seramai 1000 pelajar telah dijadikan sampel dengan menjawab soalan peperiksaan tahun 1999, 2000 dan 2001. Paparan data menunjukkan bagi peperiksaan UPSR tahun 1999, 113 pelajar telah mencatat pencapaian baik, turun pada 105 orang pada tahun 2000 dan hanya 38 orang pada tahun 2001. Pada peringkat PMR juga menunjukkan pola yang sama. Prestasi pelajar baik bagi tahun 1999 ialah 274 orang menurun kepada 142 pada tahun 2000 dan naik sedikit kepada 145 pada tahun 2001. Kajian ini mendapati penurunan prestasi pelajar berkait rapat dengan bentuk soalan yang dikemukakan yang kami golongan sebagai soalan bermasalah.

Soalan bermasalah yang ditemui ialah 16 peratus bagi tahun 1999, 20 peratus bagi tahun 2000 dan 40 peratus bagi tahun 2001 bagi UPSR. Peratus soalan bermasalah PMR pula adalah 23.3 peratus pada tahun 1999, 33.3 peratus pada tahun 2000 dan 30 peratus pada tahun 2001. Kajian ini juga mendapati soalan bermasalah ada kaitannya dengan aspek nahu yang bermasalah. Soalan bermasalah mengelirukan pelajar kerana soalan tersebut berteraskan nahu pegangan tetapi bertentangan pula dengan nahu praktis. Nahu praktis ialah nahu yang digunakan oleh masyarakat umum sehari-hari yang disebarluaskan oleh media sebagai kesan daripada arus globalisasi.

Abstract

This research attempts to study the achievement of the Malay students in UPSR and PMR for bahasa Melayu. This study was carried out at four schools. 1000 students were chosen as samples and were asked to sit for the examination for three consecutive years, 1999, 2000 and

2001. The data show that UPSR result for the year 1999, 113 students achieved good result, and the number decreases to 105 for the year 2000 and finally only 38 for the following year. The same pattern surfaces for PMR. High achievers students for 1999 are 274 and declines to 142 in the year 2000 and increases to 145 in the year 2001. The research proves that there is a correlation between the students achievement and the questions asked in the examination which we named them as a problematic questions.

The problematic questions are 16 percent in 1999, 20 percent in 2000 and 40 percent in 2001 for UPSR. For PMR there are 23.3 percent in 1999, 33.3 percent in 2000 and 30 percent in 2001. This study also discloses that the problematic questions are related to a misleading proposed grammar. This leads to confusions among students because the questions are based on prescriptive grammar as opposed to practical grammar. Practical grammar is a grammar used by the mass and disseminate widely through media as a result of globalization.

PENDAHULUAN

Banyak kajian telah dilakukan mengenai masyarakat Melayu. Makalah ini mengkaji mengenai masyarakat Melayu secara khusus dan antara aspek yang dikaji termasuklah kajian mengenai ekonomi, politik, pendidikan, teknologi maklumat, badan bukan kerajaan, agama, dan bahasa. Kesemua aspek yang bersangkutan dengan kehidupan masyarakat Melayu ini dilihat seiring dengan arus globalisasi. Apakah masyarakat Melayu terus mampu menanggapi arus yang terus melanda dunia? Apa pula yang dimaksudkan dengan globalisasi? Globalisasi secara mudahnya difahami sebagai dunia tanpa sempadan. Dengan berkonsepkan 'one size fits all' masyarakat dunia diacu sebegitu rupa sehingga menjadi masyarakat yang homogen.

Globalisasi menumpukan kepada 12 tema utama. Di antaranya komunikasi global, telekomunikasi, perdagangan antarabangsa, teknologi maklumat, ketenteraan dan sebagainya. Impak langsung daripada globalisasi ialah bahasa. Arus globalisasi telah memberikan ruang kepada bahasa Inggeris kembali untuk menguasai dunia. Bagaimana pula dengan bahasa Melayu? Adakah bahasa Melayu semakin terpinggir dengan adanya arus gelombang globalisasi ini? Bagaimana pula impak globalisasi ini kepada bahasa Melayu? Adakah dengan adanya kemudahan Internet, bahan bacaan yang meluas seperti akhbar dan laman-laman sesawang mempengaruhi penggunaan bahasa masyarakat Melayu ini? Sejauh manakah pula bahasa yang diperoleh

secara meluas ini memberikan kesan kepada pelajar Melayu ini?

Penyelidikan ini berkaitan dengan pencapaian pelajar Melayu sendiri dalam arus globalisasi. Penyelidikan ini tertumpu pada prestasi pelajar Melayu dalam subjek bahasa Melayu khususnya dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Kajian ini akan menumpukan perhatian kepada prestasi pelajar-pelajar Melayu dan cuba memberikan penjelasan teoretis mengenai peningkatan mahupun penurunan prestasi ini. Kerangka linguistik akan diberi perhatian kerana persoalan bahasa hanya akan dapat ditangani dengan berkesan dengan adanya bantuan ilmu linguistik iaitu ilmu yang mengkaji bahasa secara saintifik.

Permasalahan Kajian

Tahap pembelajaran berlaku dalam dua tahap. Pertama melalui pemerolehan (*acquired*) dan keduanya melalui pembelajaran (*learned*). Pemerolehan bahasa selalu dikaitkan dengan bahasa pertama dan kajian ini merujuk kepada bahasa Melayu. Pemerolehan bahasa bukan sahaja didapati di rumah, tetapi juga dari persekitaran si penutur. Kanak-kanak yang belajar berbahasa mendapat manfaat yang terbesar kebolehan berbahasa dari sini.

Ini berbeza pula dengan pembelajaran bahasa. Yang dikatakan pembelajaran bahasa ialah bahasa yang dipelajari secara formal di sekolah. Pembelajaran bahasa selalunya melibatkan bahasa kedua. Kes ini merujuk kepada pelajar bukan Melayu, iaitu Cina dan India yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah. Pelajar Melayu juga mempelajari bahasa Melayu secara formal di sekolah. Pengajaran bahasa Melayu di sekolah menggunakan buku tatabahasa pegangan, iaitu **Tatabahasa Dewan** yang menjadi pegangan utama. Kesemua panduan mesti dipatuhi agar keseragaman bahasa dapat dibentuk secara menyeluruh.

Persoalannya sekarang adakah buku tatabahasa pegangan itu benar-benar menepati kehendak bahasa penutur natif. Tinjauan awal menunjukkan bahawa prestasi pelajar turun naik bergantung pada jenis soalan yang dikemukakan. Ini bermakna bahawa prestasi pelajar sangat bergantung pada jenis soalan yang dikemukakan. Mengapakah ini berlaku? Ini berbalik semula kepada pernyataan bahasa yang diperoleh dan yang dipelajari. Turun naik prestasi ini seolah-olah menunjukkan adanya masalah pertentangan nahu antara bahasa yang diperoleh dengan bahasa yang dipelajari. Pertentangan yang berlaku antara **tatabahasa pegangan**¹ dengan

1 Tatabahasa pegangan ialah tatabahasa baku yang digunakan di seluruh negara dan dianggap mewakili tatabahasa penutur Melayu.

tatabahasa praktis² akan memberikan kesan yang kurang memberangsangkan ke atas pelajar-pelajar Melayu itu sendiri.

Sebelum kita membincangkan persoalan pokok, ditinjau dahulu persoalan masalah secara keseluruhan. Banyak kajian yang telah dilakukan terhadap bahasa Melayu itu sendiri. Kajian ini dapat dibahagikan kepada dua, iaitu **kajian makro** dan **kajian mikro**. Yang dimaksudkan dengan kajian makro ialah kajian yang melibatkan kajian bahasa Melayu secara luaran seperti kurikulum dan pengajaran. Kajian mikro pula ialah kajian yang mendalam secara teoretis terhadap bahasa Melayu itu sendiri. Fokusnya ialah linguistik. Tulisan Razali Arof (1996) dan S. Nathesan (1999) dapat dianggap sebagai kajian makro. Aspek yang dilihat adalah secara menyeluruh tetapi tidak mendalam. Razali dalam bukunya, *'Pengantar Kurikulum'* menjelaskan apa itu kurikulum dan pelaksanaannya. Sementara Nathesan dalam bukunya, *'Pendekatan dan Teknik Pendidikan Bahasa Melayu'* hanya menyenaraikan satu panduan tentang cara mengajarkan bahasa Melayu di sekolah.

Satu lagi kajian yang menarik ialah kajian terhadap buku teks sebagai alat komunikator. Kajian ini melihat bagaimana buku teks ini dianalisis dan sejauh mana kandungannya mampu memberikan maklumat yang diperlukan oleh pelajar. Sungguhpun kurikulum dianggap sebagai makro iaitu aspek besar dan penting dalam sistem pendidikan itu sendiri tetapi inti pati pada kajian ditumpukan pada bahasa. Ini secara tidak langsung berkaitan dengan aspek mikro pula.

Kajian yang bersifat mikro menerobos ke aspek yang lebih khusus kepada pokok persoalan. Ini merupakan kajian yang dianggap rintis kerana belum ada kajian sebelum ini dilakukan. Kajian ini cuba merungkai masalah kajian dengan lebih saintifik. Nor Hashimah Jalaluddin (1999) menulis mengenai, *'Semantik dalam Penulisan Buku Teks: Satu Tuntutan dalam Kurikulum'*. Kajian ini menunjukkan peri pentingnya bahasa dalam menulis buku teks agar mesej yang hendak disampaikan dalam buku itu dapat difahami oleh pelajar.

Ramli Salleh *et al.*, (2000) pula melakukan satu penyelidikan juga berkaitan bahasa. Kajian mereka bertajuk, *'Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Rendah: Kajian di Sekolah-Sekolah Rancangan Felda Negeri Sembilan'* turut melihat penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar Melayu. Kajian mikro ini diperkukuh oleh

2 Tatabahasa praktis ialah tatabahasa yang digunakan oleh orang Melayu dalam kehidupan seharian dan dipengaruhi oleh lingkungan penuturnya.

kajian ini. Bahan untuk kajian ini pula ialah soalan peperiksaan yang standard yang telah ditetapkan oleh bahagian peperiksaan Malaysia. Maknanya bahan yang dikaji ialah data yang sahih dan tidak perlu dipersoalkan lagi mutunya. UPSR dan PMR pula ialah tahap pengujian yang sentiasa menjadi tumpuan pelajar, ibu bapa, dan guru. Secara tidak langsung kajian ini juga menyentuh aspek pengujian dan penilaian yang merupakan komponen penting dalam pengajaran bahasa.

Kajian Makro

Kajian ini melibatkan topik yang lebih besar dan mendasari sistem pendidikan. Makro dalam erti kata kajian ini ialah kajian yang melibatkan perkara pokok yang mendasari sistem pendidikan itu sendiri. Yang dimaksudkan di sini ialah kurikulum dan pedagogi. Kajian Razali (1996) membahagi kurikulum kepada tiga jenis, iaitu:

- (i) Segala jenis pengalaman dan pembelajaran yang dipelajari oleh pelajar sama ada yang telah dirancang atau ditentukan oleh pihak sekolah ataupun tidak, dan sama ada pembelajaran dan pengalaman yang telah dipelajari itu positif ataupun negatif.
- (ii) Kurikulum bererti segala jenis pembelajaran (konsep, kemahiran, dan lain-lain lagi) yang telah dirancang oleh pihak sekolah dan dipelajari oleh pelajar. Semua jenis pembelajaran baik atau buruk yang tidak dirancang dianggap terkeluar dari kurikulum.
- (iii) Terhadap kepada pembelajaran yang diperoleh di dalam bilik darjah sahaja. Segala pembelajaran yang diperoleh di luar bilik darjah dianggap telah melalui aktiviti yang formal yakni melalui bilik darjah atau bilik makmal. Maknanya segala jenis pembelajaran yang telah dirancang atau ditentukan yang perlu dipelajari oleh pelajar dalam suasana dan lokasi yang formal.

Menurut Razali lagi, kurikulum itu sebenarnya adalah satu bidang yang luas dan merangkumi aspek-aspek tertentu dalam bidang yang lain seperti pedagogi dan andragogi, komunikasi, penilaian, dan pengurusan. Kurikulum ini sebenarnya sentiasa berkembang, daripada sederhana kepada mantap. Pembaikan kurikulum ini seharusnya dibantu oleh ilmu-ilmu asas tertentu seperti dari bidang psikologi, sosiologi, antropologi, fisiologi, dan falsafah. Secara kasarnya Razali menggarisbawahi definisi kurikulum itu sendiri dan operasi pelaksanaannya.

Nathesan menumpukan perhatian secara khusus kepada pedagogi

pengajaran bahasa Melayu. Nathesan telah memberikan panduan kepada guru bagaimana menjadikan bahasa Melayu itu sebagai satu bahan pengajaran yang menarik. Nathesan membicarakan beberapa cadangan penggunaan teknik pengajaran yang dapat merangsang sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Beliau turut membahaskan permasalahan pendidikan bahasa Melayu. Kajian yang dilakukan oleh Nathesan dapat dianggap sebagai kajian makro yang mudah dan ringkas.

Kajian Mikro

Kajian mikro di sini bermaksud kajian yang lebih mendalam mengenai satu-satu aspek pendidikan. Di sinilah kajian seperti menilai sesuatu subjek secara teoretis boleh dimasukkan sebagai kajian mikro. Aspek yang dikaji itu sempit, iaitu terlalu berfokus tetapi penghuraiannya agak mendalam. Selalunya kajian ini mempunyai analisis saintifik yang mendasarinya.

Nor Hashimah Jalaluddin (1999) menumpukan perhatian pada kandungan buku teks yang menjadi sebahagian daripada kurikulum. Kajian beliau dianggap kajian mikro kerana melibatkan analisis teoretis yang mengkhusus pada linguistik. Kajian ini telah menganalisis buku teks tahun empat sekolah rendah. Apa yang dilihat ialah kekuatan dan kelemahan buku teks sains, matematik, bahasa Inggeris, agama Islam, dan pendidikan seni. Buku teks sains mempunyai maklumat yang terlalu ringkas dan gagal menjadi komunikator yang baik dan secara tidak langsung menjadi buku yang sukar difahami. Bahasa Inggeris banyak memuatkan gambar yang menarik dalam teksnya tetapi kebanyakan gambarnya tidak menekankan aspek budaya setempat. Mengikut teori kognitif, jika pelajar tidak mempunyai latar belakang mengenai sesuatu apa yang dibincangkan atau diujahkan, maklumat itu menjadi tidak relevan dan sekali gus akan menyukarkan pelajar. Kajian ini melihat hubungan antara kandungan buku teks dengan kemahiran kognitif pelajar.

Satu lagi kumpulan yang telah mengkaji bahasa Melayu secara mendalam ialah Ramli Salleh *et al.*, (2000). Prestasi pelajar diteliti berdasarkan ujian bertulis Kertas Bahasa Melayu 1 dan 2 yang dilakukan secara langsung mengikut situasi peperiksaan PMR yang sebenar dari segi pengurusan, set soalan yang digunakan, proses pemeriksaan dan sistem pemarkahannya. Data yang dikumpulkan dan dianalisis daripada Kertas 1 terdiri daripada 60 soalan objektif berasaskan enam aras kognitif taksonomi Bloom. Aspek utama yang diuji ialah penguasaan beberapa item linguistik dan kemahiran bahasa. Penguasaan item linguistik yang diteliti ialah aspek morfologi,

sintaksis, dan jenis teks. Manakala Kertas 2 pula terdiri daripada tiga soalan subjektif. Kajian mendapati bahawa prestasi pelajar yang menjadi responden pertamanya masih lemah dalam item linguistik iaitu, aspek morfologi dan aspek sintaksis. Dalam aspek morfologi pelajar lemah dalam item salah betul perkataan. Dalam aspek sintaksis pula, pelajar lemah dalam mengenal pasti ayat yang betul. Kedua, pencapaian mereka dalam aspek pemahaman adalah pada tahap sederhana sahaja dan yang ketiga dalam aspek penulisan mereka masih kurang berupaya mengemukakan isi yang mantap dan tidak cekap memilih jenis karangan yang sesuai dan mampu untuk dijawab sebaik mungkin.

Jelasnya kajian yang bersifat sama ada makro mahupun mikro adalah sama penting malah saling melengkapi. Kajian yang bersifat ringan seperti kajian Razali dan Nathesan sekurang-kurangnya dapat membuka jalan ke arah pemahaman kurikulum dan pedagogi pengajaran bahasa yang lebih kreatif. Sementara kajian Nor Hashimah dan Ramli pula dapat dikembangkan kepada aspek lain selain bahasa. Ini secara tidak langsung akan memantapkan sistem pendidikan di negara ini. Kajian ini pula cuba melihat dari segi penilaian sama sebagaimana kajian yang pernah dilakukan oleh Ramli. Cuma yang berbeza ialah kajian ini ingin melihat pencapaian bahasa Melayu oleh pelajar Melayu dalam arus globalisasi dan impaknya pada prestasi mereka. Kajian ini menumpukan perhatian kepada soalan objektif sahaja bagi UPSR dan PMR. Kajian ini juga menumpukan perhatian kepada soalan peperiksaan tiga tahun berturut-turut. Kemudian, semua data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan pendekatan linguistik.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi empat objektif berikut:

- (i) Ingin melihat adakah jenis soalan peperiksaan akan mempengaruhi jawapan yang dipilih oleh pelajar,
- (ii) Ingin melihat hubungan di antara soalan bermasalah dengan prestasi pelajar,
- (iii) Ingin melihat sejauh mana globalisasi mempengaruhi penguasaan bahasa pelajar dan memberi kesan pula pada pemahaman mereka;
- (iv) Ingin melihat sejauh mana perbezaan nahu pegangan dan nahu praktis memberikan kesan kepada penguasaan pelajar pada bahasa Melayu dan seterusnya mempengaruhi prestasi mereka.

Ruang Lingkup Kajian

Kajian ini tertumpu kepada soalan objektif bagi soalan peperiksaan UPSR dan PMR. Pertama, pemilihan ini dibuat kerana soalan-soalan ini banyak mengandungi soalan tatabahasa. Tiga puluh soalan tatabahasa bagi UPSR dan 40 soalan tatabahasa bagi PMR. Keduanya soalan bersifat subjektif akan mengambil masa yang lebih lama untuk disemak. Ini sebenarnya berkaitan dengan tempoh masa kajian yang diberikan iaitu setahun. Sungguhpun kajian ini mengetepikan soalan penulisan tetapi soalan objektif yang ditumpukan adalah untuk tiga tahun berturut-turut. Tujuan diambil soalan tiga tahun berturut-turut adalah untuk mencari pola yang dapat menggambarkan prestasi pelajar dengan lebih tepat.

Walaupun peperiksaan ini ingin mengukur prestasi pelajar Melayu tetapi pelajar-pelajar bukan Melayu turut diambil sebagai sampel. Tujuannya adalah untuk bersifat lebih representatif. Ini penting terutama sekali bagi melihat soalan yang bermasalah dan jumlah skor yang diperoleh oleh kesemua pelajar. Maka satu perbandingan secara statistik dapat dilakukan. Contohnya jika satu soalan itu mempunyai bilangan pelajar yang ramai salah, maka dicerakin pula pesalahnya. Jika kesalahan itu dilakukan oleh pelajar bukan Melayu maka soalan itu dianggap bukan bermasalah. Tetapi jika yang melakukan kesalahan itu ramai dalam kalangan pelajar Melayu maka soalan seperti ini dianggap sebagai bermasalah.

Hipotesis Kajian

Sesuatu kajian itu mestilah dimulakan dengan set hipotesis. Tujuan berhipotesis adalah untuk mengukur sejauh mana kebenaran andaian yang dibina sebelum penyelidikan itu dilakukan. Kemudian hipotesis ini diuji dengan data yang diperoleh. Antara hipotesis yang dibina termasuklah,

- (i) Prestasi pelajar memang dipengaruhi oleh globalisasi kerana arus ini telah memberikan impak yang kuat pada perkembangan bahasa,
- (ii) Bahasa yang diperoleh melalui persekitaran akan mempengaruhi pelajar meskipun mereka mempelajari tatabahasa di sekolah. Kesan ini akan menjadi lebih jelas jika ada pertentangan antara tatabahasa perolehan dengan tatabahasa pembelajaran;
- (iii) Prestasi pelajar akan dipengaruhi oleh soalan peperiksaan yang mengelirukan dan mempunyai banyak masalah linguistik.

Hipotesis ini akan terserlah setelah kesemua data siap dianalisis.

Hipotesis selalunya berkait rapat dengan kepentingan kajian. Kepentingan kajian ini akan memaparkan kepada peri pentingnya mengapa kajian ini dilakukan.

Pentingnya Kajian

Mengapa kajian ini dilakukan? Arus globalisasi sudah pasti memberikan kesan kepada bahasa Melayu. Arus globalisasi menyaksikan pemujaan terhadap bahasa Inggeris yang semakin nyata di negara ini. Oleh sebab berlaku pertembungan dua bahasa dan budaya yang berlainan, sedikit banyaknya perkembangan ini mempengaruhi bahasa Melayu. Istilah-istilah dan kata pinjaman boleh berlaku. Mana-mana perkataan yang berbau klasik mula ditinggalkan. Tambahan pula pergerakan yang semakin pantas dan ringkas, mana-mana ungkapan melankolik dan mendayu-dayu telah tidak mendapat perhatian lagi.

Perkembangan ilmu pula telah menyebabkan lahir berbagai-bagai teori yang melihat bagaimana bahasa itu beroperasi. Teori ini dikenali sebagai teori linguistik. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang memanifestasikan jiwa bangsanya. Aspek bahasa sangat erat hubungan dengan budayanya. Memandangkan konteks sangat penting dalam melihat bahasa Melayu, maka perubahan makna perlu diberi perhatian. Perubahan ini berkaitan pula dengan daya kekreatifan masyarakat Melayu itu sendiri. Tetapi ada penahu yang berpendapat bahawa makna yang berbeza-beza dan rencam akan menimbulkan kesukaran untuk menangani masalah bahasa. Maka penahu-penahu ini berpendapat perlunya buku tatabahasa pegangan yang dapat mengacukan penjelasan bahasa. Buku ini digunakan pada peringkat kebangsaan.

Masalah timbul apabila ada rumus yang diperkenalkan bertentangan dengan tatabahasa yang diperoleh secara semula jadi sama ada di rumah atau dari persekitaran pelajar-pelajar ini. Memang tidak dapat dinafikan pengaruh bahasa yang diperoleh dari persekitaran bukan kecil. Contohnya ungkapan, 'paling cantik sekali' yang kerap kali diucapkan oleh penutur Melayu dianggap salah kerana adanya unsur lewah. Mengikut tatabahasa pegangan, 'paling' sudah cukup menggambarkan superlatif yang tertinggi, maka tidak perlu ditambah dengan perkataan 'sekali'. Tetapi ungkapan ini memang biasa digunakan. Pertembungan seumpama inilah nanti yang akan mengelirukan pelajar. Oleh sebab banyak lagi contoh pertentangan begini, maka adalah perlu kajian menyeluruh dilakukan. Tujuannya adalah untuk mengelakkan pelajar terperangkap oleh soalan yang dapat dikatakan tidak adil ini.

Metodologi Kajian

Penyelidikan ini melibatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif merujuk kepada kaedah kajian yang melibatkan sampel yang besar dan pengiraan statistik. Data yang dikutip kemudiannya diproses sehingga terbentuk pengiraan statistik yang sewajarnya. Dari situ diterjemahkan apa-apa yang berkaitan dengan mauduk penyelidikan. Hasilnya lebih bersifat deskriptif. Kaedah kedua pula ialah kaedah kualitatif. Kaedah ini melibatkan huraian saintifik berlandaskan teori yang sesuai bagi menjelaskan masalah yang menjadi mauduk penyelidikan. Penjelasan ini akan dipandu oleh statistik yang dijana agar korelasi antara kedua-duanya dapat ditemukan.

Empat buah sekolah telah dipilih sebagai sampel. Dua buah di Negeri Sembilan dan dua buah lagi di Johor. Sekolah itu ialah Sekolah Tinggi Port Dickson dan Sekolah Kebangsaan Port Dickson di Negeri Sembilan. Sementara di Johor, Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman Putra dan Sekolah Kebangsaan Kulai. Kedua-dua sekolah ini dipilih kerana mempunyai komposisi kaum yang baik. Port Dickson dapat dianggap sebagai sekolah bandar, sementara Kulai pula dianggap sebagai sekolah luar bandar.

Sampel diminta menjawab soalan tahun 1999, 2000 dan 2001. Soalan bagi tahun-tahun ini dipilih adalah kerana dianggap semasa. Soalan UPSR dan PMR dianggap sebagai soalan yang standard dan setara. Sementara sampelnya pula boleh dianggap sama dari segi pedagogi pengajaran, kurikulum, tahap pemikiran pelajar, dan mutu pengajarannya. Jadi sampel dianggap sama rata dan hasil peperiksaan juga dianggap sama dari segi mutu dan pencapaiannya.

Hasil Kajian

Apabila kertas jawapan telah siap ditanda, pengiraan statistik pun bermula. Mula-mula yang dilihat ialah prestasi pelajar-pelajar itu sendiri. Mereka diasingkan mengikut taburan kaum. Jawapan mereka kemudiannya dikategorikan mengikut gred 75 peratus dikira A, 65 peratus – 74 peratus dikira B, 55 peratus – 64 peratus dikira C, 45 peratus – 54 peratus dikira D dan di bawah 45 peratus dikira E. Kedua-dua peperiksaan UPSR dan PMR dianalisis dengan langkah yang sama.

Setelah taburan markah diperoleh, penyelidik seterusnya menyaring pelajar kepada pelajar yang baik. Tujuannya ialah untuk melihat prestasi pelajar dalam tiga tahun berturut-turut. Gred 'A' dianggap cemerlang sementara gred 'B' dianggap baik. Jadi kesemua pelajar yang mendapat

'A' dan 'B' dikategorikan sebagai pelajar yang baik. Markah minimum yang diperoleh oleh pelajar baik ialah 64 ke atas.

Daripada penyaringan yang dibuat, maka taburan pelajar yang baik dapat dibuat seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Jumlah Keseluruhan 113 Orang.

Tahun 1999	A	B
Port Dickson	63	30
Kulai	11	9
Jumlah	74	39

Data ini merupakan pencapaian pelajar UPSR bagi tahun 1999. Seramai 93 daripada 234 pelajar Port Dickson mendapat gred baik dan 20 daripada 62 pelajar Kulai mendapat gred baik.

Jadual 2 di bawah pula menunjukkan prestasi bagi tahun 2000.

Jadual 2 Jumlah Keseluruhan 105 Orang.

Tahun 2000	A	B
Port Dickson	47	45
Kulai	9	4
Jumlah	56	49

Jadual ini juga memaparkan hal yang sama seperti tahun 1999. Tahun 2000 memperlihatkan kejatuhan jumlah pelajar baik berbanding pelajar tahun 1999. Hanya 92 pelajar Port Dickson mendapat baik dan 13 pelajar Kulai mendapat baik. Sebagai perbandingan selanjutnya prestasi pelajar bagi tahun 2001 turut dicatatkan dalam jadual di bawah. Perbandingan seumpama ini akan memudahkan penyelidik membuat satu kesimpulan bagi prestasi ini.

Jadual 3 Jumlah Keseluruhan 38 Orang.

Tahun 2001	A	B
Port Dickson	7	21
Kulai	0	10
Jumlah	7	31

Jika dilihat daripada jadual di atas prestasi pelajar semakin menurun berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Persoalannya sekarang adakah penurunan prestasi ini ada kaitannya dengan soalan peperiksaan yang dikemukakan.

Kini kita lihat pula prestasi pelajar-pelajar PMR. Adakah pola yang sama juga wujud?

Jadual 4 Jumlah Keseluruhan 274 Orang.

Tahun 1999	A	B
Port Dickson	26	63
Kulai	107	78
Jumlah	133	141

Pada tahun 1999 seramai 89 pelajar daripada 337 pelajar Port Dickson mendapat gred baik. Sementara 185 pelajar daripada 327 di Kulai mendapat gred baik. Jumlah keseluruhan pelajar yang baik ialah 274 orang pelajar. Kita lihat pula prestasi tahun 2000.

Jadual 5 Jumlah Keseluruhan 142 Orang.

Tahun 2000	A	B
Port Dickson	7	33
Kulai	23	79
Jumlah	30	112

Prestasi 2000 menurun dengan banyaknya. Daripada 274 pelajar yang baik menurun kepada 142 pelajar sahaja. Hanya seramai 40 orang pelajar sahaja yang berjaya mendapat gred yang baik di Port Dickson. Di Kulai pula sejumlah 102 pelajar dapat dianggap baik. Pola tahun 2001 mencatatkan peningkatan sedikit. Jadualnya adalah seperti di bawah:

Jadual 6 Jumlah Keseluruhan 147 Orang.

Tahun 2001	A	B
Port Dickson	7	30
Kulai	43	67
Jumlah	50	97

Tahun 2001 menunjukkan peningkatan sedikit. Daripada 142 pelajar baik pada tahun 2000 meningkat kepada 147 orang. Sekali lagi, soalan yang menyusul ialah apakah sebab di balik berlakunya pola prestasi seumpama ini?

Punca Masalah

Jika dilihat daripada prestasi yang tergambar pada enam jadual di atas, kita seolah-olah tertanya-tanya mengapakah terjadi pola yang sedemikian rupa. Jawapannya mudah. Prestasi pelajar akan bergantung pada jenis dan mutu soalan yang dikemukakan. Soalan tatabahasa berkaitan dengan linguistik. Daripada kajian yang dibuat, jelas bahawa lebih banyak soalan yang berkaitan dengan linguistik, lebih rendah tahap pencapaian pelajar. Prestasi UPSR tahun 1999, 2000 dan 2001 memperlihatkan kejatuhan prestasi pelajar. Tetapi bagi PMR prestasinya agak tidak seimbang.

Setelah dianalisis, maka taburan soalan bermasalah bagi kedua-dua peperiksaan adalah seperti berikut:

Jadual 7 Taburan Soalan Bermasalah – UPSR.

Tahun	Pemahaman	Tatabahasa	Jumlah	Peratus
1999	2	6	8	16 peratus
2000	2	8	10	20 peratus
2001	10	10	20	40 peratus

Jadual 8 Taburan Soalan Bermasalah – PMR.

Tahun	Pemahaman	Tatabahasa	Jumlah	Peratus
1999	3	11	14	23.3 peratus
2000	3	17	20	33.3 peratus
2001	4	14	18	30 peratus


Kedua-dua peperiksaan UPSR dan PMR mempunyai dua bahagian soalan, iaitu pemahaman dan tatabahasa. Kita lihat dahulu soalan UPSR. Bagi tahun 1999 terdapat dua soalan pemahaman dan enam soalan tatabahasa yang bermasalah. Ini menjadikan 16 peratus soalan bagi tahun itu yang akan sama ada memerangkap pelajar atau mengelirukan pelajar. Soalan-soalan


begini selalunya mempunyai peratusan jawapan yang hampir dan benar-benar menggambarkan kekeliruan pelajar (sila lihat bab analisis linguistik). Begitu juga bagi tahun 2000. Pada tahun ini peratusan soalan bermasalah meningkat. Dua soalan pemahaman dan lapan soalan tatabahasa yang membawa jumlah 20 peratus soalan bermasalah. Dan akhirnya bagi tahun 2001, jumlah soalan bermasalah begitu tinggi, iaitu 40 peratus. Sepuluh soalan pemahaman dan 10 lagi soalan tatabahasa.

Peratusan soalan bermasalah ini dapat dikaitkan dengan prestasi pelajar. Jika kita lihat balik Jadual 1, 2, dan 3 di atas, jelas bahawa bilangan pelajar yang dikategorikan sebagai baik menurun, iaitu 113 orang kepada 105 orang dan terus turun kepada 38 orang. Ini merupakan satu dapatan yang sangat penting bagi memastikan masalah prestasi pelajar dapat diperbaiki dengan bentuk soalan yang lebih adil kepada pelajar ataupun pelajar didedahkan dengan masalah ini agar tidak melakukan kesalahan yang sama pada masa yang akan datang.

Kita lihat pula dengan soalan bermasalah bagi PMR. Keputusan peperiksaan PMR lebih menarik. Peratus soalan bermasalah ada turun naiknya. Pada tahun 1999 ada 14 soalan bermasalah, iaitu tiga soalan pemahaman dan 11 soalan tatabahasa. Kesemuanya berjumlah 23.3 peratus daripada 60 soalan yang ditanya. Tahun 2000 menyaksikan peningkatan soalan bermasalah. Kali ini 33.3 peratus atau tiga soalan pemahaman dan 17 soalan tatabahasa.

Peratus ini menurun pada tahun 2001. Pada tahun ini hanya 30 peratus sahaja soalan bermasalah, iaitu empat soalan pemahaman dan 14 soalan tatabahasa. Sekali lagi jika kita melihat semula pada jadual empat, lima dan enam, prestasi pelajar jelas memperlihatkan hubungan yang rapat di antara keduanya. Graf di bawah dapat menunjukkan hubungan antara soalan bermasalah dengan prestasi pelajar.





Bagaimanakah soalan bermasalah ini dikategorikan? Jadual 9 dan 10 dapat menjelaskannya.

Jadual 9 Taburan Masalah Mengikut Kategori Soalan UPSR.

Tahun	Morfologi	Sintaksis	Kosa kata	Semantik	Pemahaman	Jumlah
1999	1 (S50)	1 (S49)	2 (S34, S43)	2 (S25, S27)	2 (S2, S6)	8 16 peratus
2000	1 (S49)	3 (S41, S42, S43)	2 (S32, S33)	2 (S31, S48)	2 (S4, S9)	10 20 peratus
2001	4 (S22, S23, S26, S42)	2 (S33, S50)	2 (S27, S35)	2 (S47 S48)	10 (S2, S4, S7, S10, S12, S13, S14, S15, S18, S20)	20 40 peratus

Dalam jadual di atas, disenaraikan soalan bermasalah yang dikatakan boleh memerangkap pelajar dan mengelirukan pelajar semasa menjawab soalan terlibat. Bagaimanakah pengkategorian ini dilakukan? Pencerakinan linguistik dilakukan di sini. Soalan-soalan yang berkisar mengenai perbendaharaan kata dimasukkan di bawah masalah morfologi. Soalan yang berkaitan dengan pembentukan ayat dikategorikan di bawah sintaksis. Soalan

yang berkehendakkan interpretasi makna dimasukkan di bawah kategori semantik. Ada soalan yang melibatkan penggunaan kosa kata klasik dan sebagai kesan globalisasi, perkataan itu menjadi klasik. Masalah seumpama itu kita masukkan di bawah kosa kata. Bagi soalan pemahaman pula, persoalan wacanalah yang selalunya melatarinya. Ini semua dapat dijelaskan dengan analisis linguistik.

Berbalik kepada jadual di atas, jelasnya tahun 1999 bagi UPSR, ada satu masalah morfologi, satu sintaksis, dua kosa kata, dua semantik dan dua pemahaman. Kesemuanya ada lapan soalan yang bermasalah. Tahun 2000 pula ada satu soalan morfologi, tiga soalan sintaksis, dua soalan kosa kata, dua semantik, dan dua pemahaman. Kesemuanya ada 10 soalan bermasalah. Akhirnya bagi tahun 2001 ada empat soalan morfologi yang bermasalah, dua sintaksis, dua kosa kata, dua semantik, dan 10 pemahaman. Kesemuanya berjumlah 40 peratus. Sebagaimana yang telah dinyatakan lebih awal tadi, lebih banyak soalan yang bermasalah maka lebih rendahlah prestasi pelajar-pelajar yang diuji.

Kita lihat pula taburan soalan bermasalah bagi PMR. Polanya serupa dengan yang terjadi pada UPSR. Jenis soalan bermasalah yang dikategorikan adalah sama seperti di atas. Antara soalan yang dikategorikan bermasalah termasuklah soalan morfologi, sintaksis, kosa kata, semantik, dan pemahaman. Bagi tahun 1999, terdapat empat soalan morfologi yang bermasalah diikuti oleh lima soalan sintaksis, satu kosa kata, satu semantik, dan tiga pemahaman. Kesemuanya berjumlah 14 atau 23.3 peratus. Bagi tahun 2000 pula ada lima soalan morfologi, lima sintaksis, tiga kosa kata, empat semantik dan dua pemahaman. Kesemuanya ada 20 soalan bermasalah atau 33.3 peratus. Tahun 2001 pula mempunyai dua persoalan morfologi, enam sintaksis, empat kosa kata, dua semantik, dan empat pemahaman. Kesemuanya berjumlah 18 soalan atau 30 peratus daripada keseluruhan soalan yang ditanyakan kepada pelajar. Kesemua ini tergambar dalam Jadual 10.

Pengkategorian dan penjadualan ini diteruskan pula dengan mencerakinkan kesalahan pelajar mengikut soalan. Kali ini kesalahan pelajar Melayu dan bukan Melayu dipisahkan. Tujuannya adalah untuk mencari kesilapan pelajar yang memungkinkan hipotesis itu betul. Dalam Bab I kami ada mengatakan bahawa kesilapan pelajar Melayu pada soalan bermasalah adalah tinggi. Maka pencerakinkan soalan-soalan ini dibuat mengikut soalan yang bermasalah. Contohnya bagi soalan UPSR, ada lapan soalan yang bermasalah. Soalan ini kemudiannya dicerakinkan bagi mengasingkan jawapan betul dan salah mengikut bangsa. Sekiranya jumlah jawapan yang salah mengatasi jumlah yang betul, maka sahlah soalan itu dianggap

bermasalah. Begitulah seterusnya dihasilkan bagi tiap-tiap soalan yang dianalisis. Jadual 11 di bawah dapat menjelaskan hal ini.

Jika kita lihat Soalan 2, ada 100 pelajar melakukan kesalahan berbanding

Jadual 10 Taburan Masalah Mengikut Kategori Soalan PMR.

Tahun	Morfologi	Sintaksis	Kosa Kata	Semantik	Pemahaman	Jumlah
1999	4 (S29, S48, S35, S57)	5 (S31, S43 S45, S59, S60)	1 (S33)	1 (S50)	3 (S13 S16, S18)	14 23.3 peratus
2000	5 (S31, S35, S36, S39, S47)	5 (S40, S42, (S45, S57, S60)	3 (S25, S29 S46)	4 (S22, S26, S28, S30)	2 (S9, S17, S19)	20 33.3 peratus
2001	2 (S31, S59)	6 (S36, S44, S49, S51, S52, S54)	4 (S25, S28, S32, S56)	2 (S30, SS42)	4 (S1, S3, S7, S9)	18 30 peratus

Jadual 11 Soalan yang Bermasalah UPSR - Port Dickson 1999. Jumlah Responden Mengikut Bangsa.

No. Soalan	Bil. Responden Mengikut Bangsa			
	Melayu (143 Orang)		Bukan Melayu (92 Orang)	
	Betul	Salah	Betul	Salah
2	43	100	17	75
6	53	90	46	46
25	63	80	25	67
27	54	89	34	58
34	69	74	38	54
43	46	97	24	68
49	53	90	40	52
50	12	131	2	90

dengan 43 pelajar yang betul. Maknanya jumlah yang salah jauh lebih tinggi mengatasi jawapan yang betul. Yang paling ketara ialah Soalan 50. Masalah sebeginilah yang memerlukan satu analisis saintifik agar masalah ini tidak akan timbul lagi di masa akan datang.

Paparan dan Analisis Data

Bahagian ini akan memaparkan hasil dapatan kami dalam meneliti data yang diperolehi. Tumpuan linguistik akan diberikan pada aspek morfologi, sintaksis, dan semantik.

Aspek Morfologi

Morfologi merupakan bidang ilmu yang mengkaji dan menghuraikan struktur, bentuk, dan penggolongan kata sesuatu bahasa. Pembentukan kata lazimnya melibatkan proses pengimbuhan, penggandaan, dan pemajmukan. Setiap proses ini mempunyai peraturan dan sistemnya yang tersendiri. Dua aspek morfologi akan dibincangkan di sini, iaitu masalah pengimbuhan *memper-* dengan kata adjektif dan kata sendi nama.

Pengimbuhan *Memper-* dengan Kata Adjektif

Keputusan peperiksaan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar Melayu tidak dapat menjawab soalan yang berhubung dengan penggunaan kata terbitan yang melibatkan pengimbuhan *memper-* dengan kata dasar yang terdiri daripada kata adjektif. Dalam peperiksaan PMR 1999 terdapat satu soalan yang melibatkan penggunaan kata terbitan jenis ini. Contoh soalan adalah seperti yang berikut:

PMR 1999/29

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **memilih** perkataan yang **paling sesuai**.

Penduduk kampung bergotong-royong _____ perigi untuk kegunaan bersama.

- A. **memperdalam**
- B. mendalami
- C. dalamkan
- D. mendalam.

Menurut skema jawapan guru, jawapan yang betul untuk soalan ini ialah

memperdalam. Namun begitu, didapati ramai pelajar Melayu tidak memilih jawapan tersebut. Perangkaan statistik menunjukkan bahawa daripada 374 orang pelajar Melayu yang menduduki peperiksaan ini, hanya 47 peratus sahaja yang dapat menjawab dengan betul, manakala 53 peratus lagi telah melakukan kesalahan.

Apabila soalan yang melibatkan imbuhan *memper-* dan kata adjektif ditanya lagi dalam peperiksaan PMR 2001, tetapi dalam format yang agak berbeza, keputusannya memperlihatkan pola jawapan yang hampir sama. Malah kali ini peratusan pelajar yang melakukan kesalahan lebih tinggi, iaitu sebanyak 68 peratus, sedangkan yang berjaya menjawab dengan tepat hanya 32 peratus sahaja.

PMR 2001/59

Pilih ayat atau ayat-ayat yang **betul** dan tentukan bahawa anda telah **memilih cadangan jawapan yang paling sesuai**.

- I Keputusan itu dibuat berpandukan peraturan yang telah ditetapkan.
 - II Wanita yang bersandar pada tiang itu senyum kepada kami.
 - III Abang bercadang untuk memperbesar rumah ibu di kampung.
 - IV Buku itu merupakan hasil tulisan bersama kami dan dia.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C **I, II dan III sahaja**
 - D I, II, III dan IV.

Kebanyakan pelajar memilih A sebagai jawapan yang paling sesuai. Mereka tidak memilih jawapan C kerana mereka beranggapan ayat III itu tidak betul atau tidak gramatis. Pada hemat kami, anggapan tersebut timbul kerana wujudnya kata terbitan *memperbesar* dalam ayat berkenaan.

Kesukaran pelajar menjawab soalan jenis ini berkait rapat dengan masalah tatabahasa. Pelajar Melayu terkeliru antara tatabahasa yang dipelajari (pegangan) dengan tatabahasa yang diperoleh (praktis). Nahu pegangan menyatakan bahawa kata dasar yang terdiri daripada kata adjektif hanya dibenarkan bergabung dengan imbuhan *memper-* sahaja. Penggabungan dengan akhiran *-kan* tidak dibenarkan sama sekali. Peraturan tatabahasa ini bertepatan dengan pendeskripsian tatabahasa yang dikemukakan dalam buku *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1988). Kehadiran *-kan* tidak diperlukan kerana ini akan menjadikan bentuk terbitan itu bersifat lewah. Sehubungan itu, kata terbitan yang gramatis menurut tatabahasa

sekolah ialah *memperbesar* dan bukannya *memperbesarkan*.

Walaupun bentuk terbitan ini dianggap tidak gramatis, kajian Zaharani (2002) menunjukkan bahawa penggunaannya dalam masyarakat begitu meluas dan produktif sekali. Kajian tentang penggunaan imbuhan *memper-* dan *memper-*kan berdasarkan pangkalan data korpus telah dilakukan oleh Abdul Jalil (2000). Beliau telah meneliti data korpus yang terdapat dalam akhbar *Berita Harian* dan *Berita Minggu* bagi keluaran bulan April, Mei, dan Jun 2000. Hasil dapatan beliau menunjukkan bahawa penggunaan awalan *memper-* tidak begitu produktif berbanding dengan imbuhan *memper-*kan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa imbuhan *memper-*kan bergabung dengan semua kelas kata bahasa Melayu, termasuklah kata akar yang tergolong dalam kelas kata adjektif. Jadual di bawah menunjukkan kekerapan penggunaan imbuhan *memper-* dan *memper-*kan yang ditemui dalam kata terbitan yang dikaji.

Jadual 12 di atas membuktikan bahawa pengguna bahasa Melayu lebih

Jadual 12 Kekerapan Penggunaan Imbuhan *memper-* dan *memper-*kan.

Kata akar	Imbuhan <i>memper-</i>	Imbuhan <i>memper-</i> kan
besar	-	9
cepat	3	41
kecil	2	12
kembang	2	15
kuat	1	11
kukuh	13	42
luas	8	33

cenderung dan gemar menggunakan imbuhan *memper-*kan berbanding dengan imbuhan *memper-*. Kecenderungan ini sebenarnya bukan berdasarkan cita rasa semata-mata, tetapi mencerminkan itulah sistem tatabahasa yang dipraktikkan oleh pengguna bahasa Melayu yang sebenar. Tatabahasa ini kami namakan tatabahasa praktik sebab tatabahasa inilah yang dikuasai oleh pelajar melalui pengalaman dan pengetahuannya sendiri.

Kata Sendi Nama

Satu lagi aspek tatabahasa yang mengelirukan pelajar ialah kata sendi nama. Setiap soalan sendi nama dikemukakan dan didapati ramai pelajar Melayu yang tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat seperti yang dikehendaki

oleh tatabahasa yang diajarkan di sekolah. Pelajar-pelajar tidak dapat membezakan kata sendi nama 'atas' lawan 'di atas', 'dari' lawan 'daripada'. Misalnya, dalam peperiksaan PMR tahun 2000, bagi soalan yang melibatkan penggunaan kata sendi nama 'di atas', hanya 38 peratus pelajar yang dapat menjawab dengan betul, manakala 62 peratus lagi melakukan kesalahan. Begitu juga bagi soalan yang mengandungi kata sendi nama 'dari', seramai 63 peratus melakukan kesalahan, dan hanya 37 peratus sahaja yang berjaya.

PMR2000/31

Puan Liza sentiasa berulang-alik antara Ipoh dengan Pulau Pinang di atas
A B C
 urusan perniagaannya.

Tiada kesalahan.

D

PMR 2000/35

Encik Hamdan mendapat galakan dari keluarganya untuk menjalankan
A B
 projek ternakan ayam telur di kampungnya.
C

Tiada kesalahan.

D

Dalam pengajaran tatabahasa seperti yang terdapat dalam buku-buku tatabahasa, fungsi kata sendi nama 'dari' dan 'daripada' berbeza dalam ayat. Buku tatabahasa yang digunakan di sekolah menyatakan bahawa kata sendi nama 'dari' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan tempat, arah, waktu, atau masa, manakala 'daripada' digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, dan unsur mujarad, sumber atau asal kejadian sesuatu benda dan perbezaan atau perbandingan. Walaupun peraturan ini jelas dihuraikan, namun para pelajar didapati tidak menguasainya dengan baik.

Pada hemat kami, fenomena ini bukan sahaja berlaku pada pelajar sekolah tetapi juga pada kebanyakan pengguna bahasa Melayu. Dalam satu kajian yang dilakukan ke atas surat khabar tentang penggunaan kata sendi nama 'dari' dan 'daripada', didapati kedua-duanya tidak memperlihatkan peraturan seperti yang dinyatakan oleh buku tatabahasa (Eng May Chuen,

2001). Dengan kata lain, peraturan yang ditetapkan oleh tatabahasa baku seperti yang diutarakan oleh *Tatabahasa Dewan* tidak dipatuhi oleh pengguna bahasa. Kajian Eng May Chuen mendapati bahawa sesuatu ayat yang menggunakan kata sendi nama 'daripada' boleh digantikan dengan dengan kata sendi nama 'dari' tanpa menjejaskan makna keseluruhan ayat berkenaan.

Gejala yang sama berlaku juga pada kata sendi nama 'atas' dan 'di atas'. Menurut peraturan tatabahasa yang diajarkan di sekolah, kata sendi nama 'atas' hadir sebelum frasa nama dan lazimnya menunjukkan hala atau jurusan. Fungsi kata sendi nama 'atas' samalah seperti kata sendi nama 'dalam', 'antara' dan lain-lain. Kata-kata ini boleh hadir secara tunggal atau berseendirian dalam ayat, dan boleh juga digabungkan dengan kata sendi nama 'di' untuk menghasilkan kata sendi 'di dalam', 'di antara' dan 'di atas'. Kata sendi nama tanpa 'di' digunakan di hadapan frasa nama yang membawa pengertian tempat yang tidak mempunyai ruang atau jarak, manakala gabungan dengan 'di' membawa maksud sebaliknya.

Dalam kes ini, oleh sebab frasa nama 'urusan' tidak mempunyai jarak atau ruang, maka kata sendi nama yang tepat ialah 'atas' dan bukannya 'di atas'. Namun begitu, pada pemerhatian kami berdasarkan penggunaan umum masyarakat Melayu, kedua-duanya digunakan secara bebas dan tidak menurut peraturan yang ditetapkan oleh buku tatabahasa yang dipelajari di sekolah.

Satu lagi soalan yang berhubung dengan kata sendi nama yang mengelirukan pelajar ialah kata 'semenjak'. Soalan ini ditanya pada tahun 1999, dan peratusan pelajar yang berjaya hanya sekitar 34 peratus sahaja. Ini bermakna 66 peratus lagi gagal menjawab soalan tersebut.

PMR 1999/33

Usman Awang lebih dikenali dalam bidang penulisan sajak semenjak dahulu lagi.

A

B

C

Tiada kesalahan.

D

Soalan ini sebenarnya tidak mempunyai sebarang kesalahan. Namun begitu, ramai pelajar memilih jawapan C kerana pada sangkaan mereka kata sendi nama 'semenjak' itu tidak tepat dan kata yang tepat ialah 'sejak'.

Dalam nahu bahasa Melayu, kedua-dua kata sendi ini boleh digunakan dan membawa maksud penanda waktu atau masa. Berdasarkan pemerhatian kami, antara kata 'sejak' dan 'semenjak' didapati kata yang pertama itu lebih meluas penggunaannya. Justeru itu, para pelajar beranggapan hanya kata 'sejak' sahaja yang betul dan perlu digunakan.

Masalah Sintaksis

Sintaksis, secara ringkas ialah kajian tentang ayat dan cara ayat dibina dalam ujaran melalui gabungan kata-kata mengikut susunan yang gramatis dan bermakna bagi sesuatu bahasa. Dalam pendidikan bahasa di sekolah, sintaksis merupakan satu komponen tatabahasa yang ditekankan dan merupakan salah satu komponen yang utama dalam pembentukan soalan peperiksaan. Daripada analisis jawapan pelajar yang menjawab soalan PMR dan UPSR didapati sintaksis adalah antara komponen yang bermasalah kepada mereka. Bermasalah dalam konteks ini diukur daripada pencapaian betul yang lebih rendah atau lebih kurang sama dengan yang salah.

Daripada analisis di tahap PMR, didapati bahawa pada tiga tahun berkenaan sentiasa terdapat soalan peperiksaan yang berkaitan sintaksis yang bermasalah kepada pelajar. Jumlah soalan sintaksis yang bermasalah bagi 1999 – 2001 ialah 16. Pada hemat kami, masalah sintaksis yang ditemukan dalam kajian ini dikesan berpunca daripada dua faktor berikut:

- kelemahan yang mempunyai kaitan dengan konflik tatabahasa bahasa Melayu, iaitu tatabahasa pegangan *lwn* nahu praktis.
- kelemahan penguasaan dalam kalangan pelajar.

Jadual 13 Aspek Sintaksis yang Bermasalah kepada Pelajar PMR: Konflik Tatabahasa.

Konflik Nahu	Tahun	No. Soalan	Betul (Peratus)	Salah (Peratus)
Sisipan unsur lain selepas KKT sebelum objek	1999	31	(25)	(75)
Sendi nama 'tentang'	1999	43	(25)	(75)
Pasif dua objek	1999	45	(52)	(48)
Sendi nama '+/-pada'	2000	40	(33)	(67)
Tambahan pada kata frasa nama	2001	44	(53)	(47)
Maksud kata 'berbagai'	2001	49	(26)	(74)

Sebahagian daripada ayat-ayat berikut telah digarisi. Bahagian yang bergaris itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Jika anda menganggap bahawa bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B atau C sebagai pilihan jawapan anda. Jika tiada kesalahan tandakan D.

PMR 1999/43

Kami benar-benar tidak mengetahui tentang kejadian yang menimpa kamu baru-baru ini.

- A Kami benar-benar tidak tahu mengenai kejadian
- B Kami benar-benar tidak mengetahui akan kejadian
- C Kami benar-benar tidak tahu akan kejadian
- D Kami benar-benar tidak mengetahui tentang kejadian.**

Berbanding tahap PMR, masalah konflik nahu tidak banyak berlaku di tahap UPSR. Hanya satu soalan yang didapati melibatkan masalah ini, iaitu Soalan 49 (1999). Pencapaian pelajar dalam soalan berkenaan sangat rendah, iaitu 38 peratus sahaja. Berikut diperturunkan soalan tersebut.

UPSR 1999/49

Pilih ayat-ayat yang betul.

- I. Para pekerja perlu menabung untuk masa depan.
- II. Dia banyak memperoleh pengalaman daripada lawatan tersebut.
- III. Kami menceritakan tentang masalah di tempat kami.
- IV. Pihak bomba bergegas ke tempat kebakaran setelah menerima panggilan kecemasan.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan IV sahaja**
- D I, II, III dan IV sahaja.

Pada hemat kami, punca konflik tatabahasa ini terletak dalam ayat pilihan II dan III. Dalam ayat pilihan II terdapat kata *memperoleh*, manakala dalam ayat pilihan III terdapat kata *tentang*. Pelajar terkeliru dan menganggap penggunaan kata *memperoleh* itu salah, dan yang betulnya ialah 'memperolehi' sedangkan mengikut tatabahasa pegangan kata *memperoleh*

dalam ayat itu adalah betul. Pada hakikatnya, *Tatabahasa Dewan* (1996:201) hanya menganggap kata 'memperolehi' sebagai lewah dan bukannya salah, sedangkan soalan itu menyalahkannya. Sementara itu, penggunaan kata *tentang* dalam ayat pilihan III dianggap betul oleh pelajar, tetapi mengikut nahu pegangan adalah salah (lihat perbincangan hal yang sama di atas).

Masalah Semantik

Semantik ialah disiplin berkenaan makna. Masalah semantik akan menumpukan perhatian pada soalan klasik dan medan makna. Soalan klasik bermaksud kata-kata yang telah mengalami perubahan dan jarang digunakan lagi sebagai modenisasi. Medan makna pula merujuk kepada jawapan yang bersinonim dan hampir sama maknanya. Kita lihat contohnya satu per satu.

Soalan Klasik

UPSR 1999/25

Mak Tijah _____ tepung itu bulat-bulat sebelum dimasukkan ke dalam air yang mendidih.

- | | |
|---------------------|------------|
| A menguli | C mencanai |
| B menggentel | D mengisar |

Jawapan yang betul bagi soalan di atas ialah (B). Apa yang berlaku, peratus pelajar yang menjawab salah adalah jauh lebih tinggi daripada yang betul. 54.8 peratus pelajar di Kulai memilih menjawab (C) iaitu, *mencanai*. Hanya 25.8 peratus yang memilih (B) iaitu *menggentel*. Jumlah keseluruhan pelajar yang membuat salah ialah 74.2. Sementara di Port Dickson juga menunjukkan keputusan yang sama. 53.6 peratus pelajar memilih (A) dan hanya 34 peratus memilih (B) iaitu jawapan yang betul. Keseluruhan pelajar yang salah ialah 66 peratus.

Apakah yang menarik tentang soalan ini sehingga jumlah yang membuat kesilapan jauh lebih tinggi dari yang menjawab betul. Jika diperhatikan dengan teliti, soalan ini sebenarnya menanyakan perbuatan dalam kerja masak-memasak. Kesemua perkataan ini berkaitan dengan satu medan makna. Dan secara tidak langsung masuk di bawah kategori semantik. Dengan arus modenisasi dan kesan globalisasi, cara masakan juga turut berubah. Lebih banyak makanan segera yang dipopularkan. Malah Henriot dalam Noriah Mohammad (2000) berpendapat bahawa McDonald adalah salah satu kesan daripada globalisasi. Henriot

menekankan konsep ‘*one size fits all*’. Jadi McDonald telah menjadi makanan segera yang sesuai dengan masyarakat dunia.

Apa pula kena-mengenaanya McDonald dengan medan makna di atas? Sebenarnya perbuatan *menguli*, *menggentel*, dan *mencanai* adalah salah satu proses dalam penyediaan makanan terutama kuih. Oleh kerana kuih lebih mudah dan cepat diperolehi di warung atau kedai, pelajar-pelajar kini telah tidak dapat memahami perkataan-perkataan itu. Seorang individu akan hanya memahami perkataan itu jika dia pernah sama ada membuatnya sendiri atau melihatnya. Ini yang dikatakan akan membentuk konteks dan kesan konteks. Pilihan pelajar menunjukkan satu pola yang menarik dan mengesahkan lagi konsep makanan segera. Majoriti pelajar memilih *menguli* kerana perkataan ini ada kaitan dengan ‘roti canai’ iaitu makanan segera Malaysia yang paling popular. Kerana kerapnya mereka melihat perbuatan *menguli*, maka perkataan ini sahaja akan tersemat di memori mereka.

Soalan itu berkehendakkan jawapan *menggentel*. Ini sesuai dengan ungkapan, ‘dimasukkan ke dalam air yang mendidih’. Frasa ini sangat penting kerana hanya tepung yang telah digentel menjadi kecil yang boleh dimasukkan dalam air yang sedang mendidih. Sekali lagi pengalaman memasak akan membantu pelajar memahami konsep menggentel. Memang betul medan makna yang diberi pada perunggu itu kesemuanya berkaitan dengan masakan tetapi konteks yang diberi hanya sesuai dengan perkataan ‘menggentel’ sahaja.

UPSR 1999/27

Mak Limah mengait _____ kelapa dan memetik _____ buah langsung di kebunnya.

- A sebuah... setangkai
- B sebiji ... setandan
- C **setandan ... segugus**
- D sebutir ... selonggok.

Penjodoh bilangan di atas akan menjadi lebih mudah jika pelajar-pelajar ini biasa dengan dusun buah-buahan. Ini adalah kerana buah-buahan mempunyai penjodoh bilangan yang pelbagai. Jika dilihat dari senarai penjodoh bilangan kesemuanya boleh digunakan kepada buah-buahan. Tetapi penggunaan bagi tiap penjodoh bilangan ini akan berbeza mengikut konteks. Pilihan jawapan yang diberikan menuntut pengalaman pelajar sendiri sebagai panduan. *Sebiji*, *setandan*, dan *sebutir* memang sesuai untuk digunakan dengan buah kelapa.

Begitu juga *setangkai*, *segugus*, dan *selonggok* boleh dikaitkan dengan buah langsung. Di sini pelajar harus cermat membuat pilihan. Kedua-dua penjodoh bilangan itu seharusnya sesuai dengan padanannya.

Jika dilihat secara statistik, jawapan bagi (B) dan (C) sangat hampir peratusannya. Ini dapat dilihat di Sekolah Port Dickson dengan perselisihan peratus sebanyak 43 peratus dengan 37.9 peratus. Jawapan yang salah mengatasi jawapan yang betul. Perselisihan peratus agak kurang menyerlah di Kulai, iaitu perbezaan di antara 56.5 peratus dengan 22.6 peratus. Antara jawapan kepada masalah ini ialah pelajar-pelajar tersilap memilih padanan. Yang lebih beruntung ialah pelajar-pelajar Kulai yang dianggap sebagai sekolah luar bandar, lebih terdedah dengan kebun buah-buahan dan dapat membezakan antara tandan dengan gugus yang patut digunakan pada langsung berbanding dengan pelajar Port Dickson yang boleh dianggap anak-anak bandar. Langsung dan kelapa hanya diperolehi di pasar dan bukannya di kebun. Di sinilah peranan kognitif dan budaya menjadi penting dalam membantu pelajar memilih jawapan yang tepat.

Masalah Medan Makna

Soalan tahun 2000 ialah soalan yang berkaitan dengan medan makna. Apabila kita bercakap mengenai medan makna, kita tidak boleh mengelakkan diri daripada bercakap tentang masalah kamus. Kamus memang menjadi rujukan pelajar terutama apabila berkaitan dengan masalah sinonim atau kata yang sama erti. Kajian Kamarul Din Arrifin (2001) mendapati bahawa pelajar memang menghadapi masalah dalam mencari makna dalam kamus. Sebabnya ialah definisi dalam kamus itu agak berlingkar-lingkar dan kurang maklumat. Daripada kajian beliau, didapati hanya 5.2 peratus pelajar yang menggunakan kamus dan hanya 6.0 peratus sahaja guru yang turut menggunakan kamus. Ini selari dengan kajian Dewan Bahasa dan Pustaka ke atas pegawai sektor awam yang menggunakan kamus. Dapatan kajian jelas menunjukkan hanya 4.1 peratus sahaja yang pernah menggunakan kamus dan hanya 8.4 peratus pula menggunakan kamus dengan kerap. Ini menunjukkan tahap penguasaan rujukan kamus amat menyedihkan sekali. Impaknya terkesan daripada contoh soalan bermasalah yang hendak dibincangkan di bawah.

PMR 2000/22

Pertemuan itu diadakan bagi menghuraikan segala _____ yang melanda ahli-ahli persatuan itu.

- A **kekusutan**
- B kekacauan
- C keributan
- D ketegangan.

Semua jawapan boleh dianggap betul dan sesuai. Jawapan yang diterima ialah (A) iaitu 'kekusutan'. Peratus di Kulai pula menunjukkan jawapan (D) lebih popular. 44 peratus memilih jawapan (D) manakala 36.7 peratus memilih (A). Sementara di Port Dickson, 52.6 peratus memilih jawapan yang salah (D) sementara hanya 27.5 peratus yang menjawab betul.

Jumlah mereka yang salah jauh melebihi mereka yang betul. Mengapakah ini terjadi? Jika berbalik semula kepada soalan dan pilihan jawapan yang diberikan, memang pelajar akan banyak mengalami masalah. Kesemua jawapan mempunyai makna yang sangat hampir. Hanya 138 daripada 374 pelajar yang menjawab dengan betul, iaitu 39 peratus. *Kekusutan* berkenaan dengan masalah yang berkait-kait. Maknanya masalah A berkait dengan masalah B. Ini biasa terjadi dalam perbincangan apabila ahli mula tidak sekata. *Kekusutan* ini dapat dileraikan dalam perbincangan yang melibatkan semua ahli. Jika ada jalan keluar *kekusutan* akan terlerai. Manakala *ketegangan* merujuk kepada sesuatu yang telah mencapai puncaknya dan tidak ada jalan penyelesaian. *Ketegangan* mungkin berakhir dengan pergaduhan. Jika kita berpandu pada perkataan 'pertemuan', ada konotasinya dengan perbincangan. Perbincangan ini adalah untuk mencari jalan penyelesaian. Maka sudah tentu jawapan (A) yang tepat. Soalannya sekarang mengapakah *ketegangan* yang dipilih? Jawapannya ialah media. Media lebih banyak memaparkan ketegangan yang berlaku sama ada dalam parti politik atau konflik antara negara. Perkataan *kusut* amat jarang ditemui dan seolah-olah menjadi klasik. Jadi pelajar hari ini lebih kerap melihat perkataan 'ketegangan'. Ini sedikit banyaknya memang mempengaruhi minda pelajar. Ini juga yang dikatakan kesan globalisasi apabila ungkapan *ketegangan* lebih mudah dicari berbanding *kekusutan*.

PMR2000/26

Rencana berkaitan kaedah mengira cara mudah itu _____ dalam majalah "Mari Belajar" bulan lepas.

- A disiarkan
- B **dimuatkan**
- C diterbitkan
- D dilampirkan.

Soalan ini dapat dianggap sebagai soalan yang sukar. Ketiga-tiga jawapan A, B dan C boleh diterima. Jawapan yang diterima ialah (B). Kekeliruan untuk memilih jawapan yang betul paling tepat selalu menjadi masalah pelajar. (A) mungkin ditolak kerana *siar* mungkin dikhususkan untuk televisyen, *muat* mungkin ada konotasi mengisi sesuatu. Sementara *terbit* pula ada membawa unsur keseriusan. Namun begitu kesemua pilihan itu betul. Soalan sebegini boleh dianggap sebagai 'tidak adil' kepada pelajar.

Kekeliruan pelajar ini tergambar daripada pola jawapan pelajar. Hanya 26 peratus sahaja pelajar yang dapat menjawab dengan betul di Port Dickson dan 42.8 peratus di Kulai. Tetapi peratus yang menjawab (A) dan (C) juga hampir sama banyak. 22.8 peratus menjawab (A) dan 38.9 peratus menjawab (C) di Port Dickson. Sementara 23.2 peratus menjawab (A) dan 24.5 peratus pula menjawab (C) di Kulai. Apa yang dapat digambarkan di sini ialah peratus bagi tiap-tiap jawapan adalah hampir sama.

Kulai mencatatkan jumlah betul yang lebih tinggi adalah kerana pelajar Melayu lebih ramai mengatasi pelajar Cina. Jadi pelajar Melayu dapat meramalkan 'dimuatkan' lebih diterima kerana *muat* membawa konotasi bahawa rencana itu agak ringan dan tidak berat. Ini berdasarkan nama majalah yang bertajuk "Mari Belajar". Jika *terbit* dipilih, *terbit* akan membawa konotasi yang lebih berat. Rencananya lebih serius dan tidak sesuai dimuatkan dalam majalah ringan seperti 'Mari Membaca'.

Walau bagaimanapun, soalan yang memerangkap pelajar seperti ini harus dielakkan. Tidak semua pelajar dapat memilih jawapan dengan kesedaran mereka, terutama jika semua pilihan yang diberikan betul. Jika diukur daripada perspektif teori relevan, soalan ini mempunyai usaha memproses yang tinggi dan sangat sukar membentuk kesan konteksnya. Dengan itu kecenderungan melakukan kesilapan sangat tinggi. Sekali lagi peranan kamus penting di sini. Sebenarnya kesemua perkataan di atas adalah dalam perunggu yang sama, iaitu dalam medan makna yang sama. Hanya mereka yang benar-benar menguasai kosa kata bahasa Melayu sahaja yang dapat membuat pilihan yang tepat.

Arus Globalisasi dan Implikasi

Setelah meneliti semua soalan peperiksaan dan pola jawapan pelajar, jelas bahawa arus globalisasi memang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar ini. Ada beberapa contoh yang jelas terutama yang menyangkut kata-kata klasik. Contohnya pelajar sudah tidak begitu arif dengan perkataan seperti *mengais*, *menggentel*, *gering*, *lamunan*,

compang-camping, kekusutan, peribahasa, dan penjodoh bilangan. Perkataan-perkataan ini telah jarang digunakan. Contohnya *gering* sekarang digantikan dengan *sakit* meskipun yang sakit itu Yang di-Pertuan Agong sendiri. Ini terbukti dalam laporan akhbar yang disiarkan semasa baginda *gering* di Singapura. Memandangkan media merupakan sumber bahasa yang terpenting dan media juga sebagai ejen globalisasi, ini sedikit banyaknya mempengaruhi penguasaan bahasa pelajar. Soalan-soalan berbentuk polisemi, iaitu soalan yang menanyakan sama ada ayat itu betul atau tidak selalu mendapat peratus pelajar yang salah lebih tinggi berbanding dengan yang betul.

Contoh soalan peperiksaan berbentuk polisemi yang bertanyakan *gondol, sulit, terkena* merupakan perkataan ayat contoh yang kerap memerangkap pelajar. *Sulit* umpamanya digunakan oleh orang Indonesia yang merujuk kepada kesempitan wang. Ramai pelajar menganggap contoh ayat itu betul sedangkan perkataan itu adalah kata pinjaman. Ini juga kesan daripada kemasukan orang asing ke negara kita. Bahasa adalah fenomena hidup dan mudah menerima perubahan.

Di awal perbincangan ada dicatatkan tentang peranan media seperti surat khabar dan media elektronik yang mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu itu sendiri. Jadi banyak kata pinjaman baru menyerap ke dalam bahasa Melayu. Secara tidak langsung perkataan Melayu makin dikesampingkan. Soalnya sekarang adakah adil kepada pelajar jika soalan yang berbau klasik dan telah jarang digunakan diuji kepada pelajar. Ini terbukti apabila jumlah yang melakukan kesalahan sangat tinggi.

Selain masalah globalisasi, masalah pertentangan tatabahasa pegangan dan tatabahasa praktis harus juga diberi perhatian. Kajian membuktikan bahawa jika berlaku pertembungan antara tatabahasa pegangan dengan tatabahasa praktis, pelajar akan terperangkap. Pelajar lebih cenderung untuk memilih jawapan yang diperoleh secara semula jadi. Oleh sebab itu jumlah pelajar yang melakukan kesalahan kerap kali tinggi dan yang menjadi punca pertentangan ini ialah buku tatabahasa pegangan yang diguna pakai di sekolah. Buku tatabahasa pegangan ini dapat dianggap sebagai mudah dan seragam. Namun demikian ada peraturan yang dicadangkan dalam buku ini yang bertentangan dengan apa yang difahami oleh pelajar. Implikasinya ialah pelajar terkeliru dan terperangkap oleh soalan itu. Kajian mendapati bahawa kesalahan yang dilakukan itu seperti menghukum pelajar. Kesalahan ini pula memberikan kesan kepada prestasi pelajar itu sendiri. Jika diimbas kembali pada jumlah soalan bermasalah dengan jumlah pelajar yang mendapat keputusan baik, ternyata memang ada hubung kaitnya.

Apakah jalan penyelesaiannya? Kajian ini mencadangkan agar soalan-soalan yang menguji perkataan klasik yang telah lama tidak digunakan digugurkan daripada bank soalan. Soalan-soalan seperti ini memang bersifat tidak adil. Bagaimana pula tatabahasa yang bertentangan ini? Kajian mencadangkan agar buku nahu pegangan disemak semula. Bank data korpus yang terhimpun di Dewan Bahasa dan Pustaka digunakan dengan sebaik mungkin. Ada pula orang yang menyanggah penggunaan bank data yang menghimpunkan bahan-bahan bercetak daripada pelbagai bahan dan buku. Alasan mereka ialah bahawa bahasa yang digunakan oleh penulis tidak diedit dan tentunya banyak kesalahan bahasa yang dilakukan. Jawapan kami pula ialah bahawa penggunaan bahasa mereka adalah bahasa intuisi, iaitu bahasa yang diperoleh dari persekitaran hidup mereka.

Maka cadangan untuk menyemak kembali buku tatabahasa pegangan perlu diberi perhatian. Tambahan pula buku itu telah berusia 20 tahun. Mana-mana bahan yang boleh dikemas kini adalah baik diketengahkan. Ini adalah demi kebaikan pelajar kita sendiri.

KESIMPULAN

Kajian terhadap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu dalam arus globalisasi membuahkan perbincangan yang baik. Kini sampai masanya Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan mengambil inisiatif menyemak kembali bank soalan yang telah digunakan sejak beberapa tahun yang lalu. Ini dibuktikan dengan adanya soalan yang begitu klasik sifatnya dan sekali gus memerangkap pelajar. Malah ada satu kes apabila soalan yang sama diuji pada pelajar tahun enam UPSR dan tingkatan tiga PMR. Ini sangat tidak adil.

Penilaian semula bukan sahaja pada soalan peperiksaan malah pada buku tatabahasa pegangan. Kalau boleh biarlah pelajar benar-benar diuji dengan soalan yang sah dan adil supaya prestasi mereka lebih konsisten dan membanggakan. Adalah malang jika soalan yang dikemukakan bersifat berat sebelah. Maksudnya pelajar yang tidak pernah didedahkan kepada perkataan tertentu diuji pula kefahaman mereka. Dengan adanya kajian ini, minda kita terbuka untuk duduk semula dan mengolah kembali segala masalah yang melingkari pelajar kita demi kebaikan semua.

RUJUKAN

- Abd. Jalil Anuar, 2000. Pangkalan Data Korpus dalam Penyelidikan Bahasa: Kajian Kes *memper-*, *Persidangan Linguistik ASEAN 1*. 14–16 Nov. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Blackmore. D., 1992. *Understanding utterances*. Oxford: Basil Blackwell.
- Eng May Chuen, 2001. Penggunaan Kata Sendi Nama ‘dari’ dan ‘daripada’ dalam akhbar *Berita Harian*, *Latihan Ilmiah*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Din Arriffin, 2001. *Kamus Dalam Pengajaran Bahasa: Satu Kajian Leksikografi, Kertas Projek*. Jabatan Linguistik, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Fazli Ibrahim, 1999. “‘Amerikanisasi’ dan Masa Depan Budaya Tempatan” dlm. *Dewan Budaya* (11), 54–55
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1996. *Tatabahasa Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1999. Semantik dalam Penulisan Buku Teks: Satu Tuntutan dalam Kurikulum, *Jurnal Bahasa*, Jil. 43 (8), 692–709.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2000. Kesan Modenisasi dan Globalisasi pada Bahasa dan Budaya Melayu, *Seminar Wacana Melayu*, Kuala Terengganu.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2001, Semantik Pragmatik dan Leksikografi. *Jurnal Bahasa*, Jld. 1 Bil. (3).
- Noriah Mohammad, 2000. Kesan Globalisasi Terhadap Bahasa. Kertas Kerja *Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia ke-2*, Minden, Universiti Sains Malaysia.
- Ramli Md. Salleh, Ismail Salleh, Idris Aman, Fadzeli Jaafar, 2000. *Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Rendah: Kajian di Sekolah-sekolah Rancangan Felda Negeri Sembilan*, Penyelidikan Fakulti M/3/98, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razali Arof, 1996. *Pengantar Kurikulum*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan, 1999. *Pendekatan dan Teknik Pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D, D., dan Wilson, 1999. *Teori relevans: Komunikasi dan kognisi* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, 2001. Isu Pengimbuhan *memper-*kan dengan Kata Adjektif dalam Bahasa Melayu, *ASEAN Linguistics Conference*, Brunei Darussalam.